

Satu emas, tujuh perak dan satu gangsa dimenangi UMS di WCOPA




DARI KAMPUS

Oleh **ABD. NADDIN**
HJ. SHAIDDIN

UB 3.P.2018.133
UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) berjaya membawa pulang satu emas, tiga perak dan satu gangsa dalam satu pertandingan **World Championships of Performing Arts (WCOPA)** yang diadakan di Long Beach California, Los Angeles, Amerika Syarikat, Julai lepas.



PELAJAR UMS yang mengharumkan nama negara di Amerika Syarikat bersama penyelarar pasukan.



PELAJAR UMS bergambar selepas acara WCOPA di Amerika Syarikat.

Dalam pertandingan itu, UMS diwakili oleh pelajar daripada Kelab Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

Quenner Mitchell Pauzi mendapat satu emas dalam kategori Instrument Binabad menerusi lagu Jazz, tiga perak dan satu gangsa manakala, Dayang Nurazreen Salbador mendapat dua perak dalam kategori vokal menerusi genre pop dengan lagu berentak blues dan genre Open menerusi lagu 'Kurniaan dalam samaran'. Dayang juga mendapat

sijil award tajaan daripada produser di California. Quenner Mitchell dan Merald Omel (Eccentric Duo) mendapat dua lagi perak dalam kategori tarian menerusi Tarian Open kontemporari dan Etnik.

Penyelaras pasukan kebudayaan UMS daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar iaitu Alan James, Norain Abd Razak dan Sharip Zainal Sagkif Shek daripada Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) membantu pasukan kebudayaan dalam pertandingan berkenaan.